

# MENGAPA PANDANG KE TIMUR WUJUD?

RAMAI orang selalu bertanya apakah sebenarnya dasar Pandang Ke Timur ini dan mengapa ia diwujudkan dan apakah garis-garis panduan yang boleh diikuti dalam pelaksanaannya.

Sebenarnya, sejak kita merdeka pada tahun 1957, satu daripada usaha kita yang paling besar dalam pembangunan negara kita ialah dalam bidang pembangunan tenaga manusia.

Kita mengakui bahawa kemerdekaan negara kita tidak akan bererti sekiranya kita

Pada masa ini ada 52,015 pelajar Malaysia yang sedang menuntut di 31 negara. Pelajar-pelajar kita yang teramai sekali menuntut ilmu di luar negeri ialah di England dan Amerika Syarikat.

Tetapi dari jumlah itu bukanlah semua dihantar oleh Kerajaan. Sebilangannya terdiri daripada pelajar-pelajar yang ke luar negeri dengan pengetahuan dan anjuran Kerajaan.

Kita menghantar pelajar-pelajar yang begini ramai ke Eropah dan Amerika kerana kita dapati di negeri-negeri tersebut ada

ditinjau dari konteks usaha kita membangun negara kita ini, untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, maka kita terpaksa bekerja lebih kuat dan lebih cepat bagi memastikan bahawa dalam tempoh 8 tahun lagi, matlamat Dasar Ekonomi Baru itu boleh dicapai.

Sebenarnya 8 tahun itu bukanlah waktu yang panjang dan pemimpin-pemimpin kita seperti Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tentu sangat menyedari bahawa beban yang begitu besar mesti dipikul dan

tidak ada perimbangan dalam usaha kita mencari cantah-cantah dan model-model yang boleh kita lakukan untuk pembangunan kita. Kita ini terlalu ke Barat. Pada hal, di sebelah Timur pun ada contoh yang boleh kita ikuti, yang padanya ada banyak ciri-ciri yang lebih sesuai kepada kita.

Maka sebab itulah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengadakan dasar yang mengarahkan kita supaya memandang ke Timur, menjadikan Jepun dan juga Korea sebagai contoh negara membangun

BH 23.7.82

pun dan Korea.

Malaysia memerlukan tenaga pekerja mahir, Jepun dan Korea adalah dua negara yang mempunyai pelbagai kemahiran dalam berbagai bidang pada beberapa peringkat daripada separuh mahir kepada paling mahir.

Malaysia juga perlu mewujudkan kumpulan pengurusan perdagangan dan perindustrian dari kalangan anak-anak muda yang lulus dari sekolah-sekolah vokasional, sekolah-sekolah teknik dan universiti-universiti.

Jepun dan Korea

tidak dapat mengisi kemerdekaan ini dengan pembangunan-pembangunan yang dilaksanakan sendiri oleh orang-orang kita, anak-anak muda kita.

Jadi, sebab itulah Dasar Pelajaran Kebangsaan diwujudkan. Rancangan pelajaran itu adalah satu rancangan Kerajaan yang sangat besar bagi melahirkan tenaga manusia yang berpendidikan, berkelayakan dan berkeupayaan untuk menyumbang dalam apa juga bidang yang mereka pilih, sama ada bekerja dengan Kerajaan, bekerja dengan swasta ataupun bekerja sendiri demi pembangunan negara.

Usaha Kerajaan dalam memperbanyak tenaga manusia untuk pembangunan negara dan mempelbagaikan kemahiran sangat jelas ternampak apabila cipta buah lagi universiti berjaya dibina selepas tahun 1969, iaitu apabila wujudnya Dasar Ekonomi Baru selepas peristiwa 13 Mei. Dahulu kita hanya ada Universiti Malaya.

Selain dari itu, usaha Kerajaan menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri untuk menimba ilmu pengetahuan juga telah meningkat.

kemajuan dan ada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang kita boleh dapati untuk pembangunan negara kita.

Tetapi sekarang, kita tahu bahawa selain daripada negara-negara Eropah dan Amerika, ada negara-negara lain yang boleh dikatakan semaju atau lebih maju daripada negara-negara Barat, iaitu Jepun dan juga walaupun kurang daripada Jepun, Korea yang sudah mencapai kemajuan yang begitu pesat. Kedua negara ini terletak di sebelah Timur.

Kalau kita mempelajari sejarah, negeri Jepun umpamanya, setelah ia hampir musnah dalam Peperangan Dunia Kedua, kita lihat negeri itu telah membangun dengan begitu cepat dan pesat, sehingga dalam masa yang singkat sahaja, ia telah meningkat ke taraf nombor satu di dunia sekarang.

Apakah faktor-faktor menyebabkan Jepun begitu maju sekali? Apakah cara atau cara bekerja ke arah pembangunan yang begitu pesat?

Kita juga sebenarnya, ingin maju dengan cepat. Kalau

dilaksanakan dalam masa 8 tahun akan datang supaya apabila tiba tahun 1990, maka tujuan atau mallaat pembangunan negara mengikut DEB.

Jadi saya percaya dalam keadaan inilah kita mencari unsur-unsur atau mencari cara-cara, teknik-teknik bekerja dan mengurus yang boleh digunakan supaya dapatlah kita cepat membangun.

Jepun adalah contoh yang sudah terbukti berjaya kerana negara itu dalam masa yang singkat telah maju dan membangun sehingga ke tahap nombor satu dalam dunia pada masa sekarang.

Tetapi selama ini, kita belum mempelajari sesuatu daripada Jepun. Kita hanya membeli dan memakai barang-barang Jepun dengan begitu banyak. Kita masih mencari ilmu pengetahuan dan contoh-contoh daripada negara-negara Barat.

Dari jumlah pelajar-pelajar kita di luar negeri seperti yang saya sebutkan tadi, hanya 200 orang sahaja yang belajar di negeri Jepun. Mengikut rekod, di Korea boleh dikatakan tiada langsung.

Jadi, ini mem-perlihatkan bahawa

begitu cepat untuk kita belajar.

Dasar ini bukanlah hendak menjadikan rakyat Malaysia semuanya Jepun ataupun menjadikan orang kita ini Korea. Jepun tetap Jepun, orang Korea tetap Korea dan orang Malaysia tetap Malaysia.

Pada kita tentu ada cara-cara bekerja, sistem pengurusan teknik-teknik, perancangan yang kita fikir sesuai untuk ditiru dan disesuaikan dengan keadaan kita.

Kita hendak mempelajari bagaimanakah umpamanya orang Jepun dan orang Korea dapat mewujudkan nilai-nilai dan etika b e k e r j a . Bagaimanakah mereka dapat mewujudkan kesetiaan di kalangan pekerja-pekerja kepada organisasi dan majikan.

Sebenarnya, negara kita mempunyai asas-asas yang cukup seperti Kerajaan yang stabil, tenaga pekerja muda yang ramai, sumber-sumber alam yang begitu banyak dan kemudahan pasaran yang tersebar luas meliputi seluruh negara untuk membolehkan kita menjadi negara perusahaan yang besar, selepas Je-

m e m p u n y a i k e m u d a h a n - kemudahan yang boleh membantu kita mewujudkan kumpulan-kumpulan itu.

Jepun terutamanya boleh memberi kemudahan untuk rakyat Malaysia mendapatkan pengalaman pengurusan pada semua peringkat daripada peringkat formen, juruteknik, sehingga ke peringkat pengaruh urusan dalam bidang pemasaran, kewangan dan pengurusan kakitangan.

Ini boleh didapati daripada latihan-latihan yang akan kita laksanakan dengan bantuan dan kerjasama syarikat-syarikat Sogosha yang terdapat di negeri Jepun.

Dengan lain perkataan, inilah bidang-bidang dan cara-cara yang dapat kita laksanakan dalam usaha kita untuk mendapat kemahiran yang kita perlukan bagi pembangunan negara kita itu.

Tetapi sebagaimana dikatakan, bukanlah tujuan kita hendak belajar supaya kita menjadi orang Jepun. Kita akan pelajari ilmu-ilmu pengetahuan daripada mereka yang sesuai dengan keadaan

kita.

Pelaksanaan dasar Pandang Ke Timur ini adalah diasaskan kepada kerjasama antara dua negara berdasarkan 'Term of Equality'. Ini adalah kerjasama dua negara yang diasaskan pada semangat saling menghormati terhadap kebebasan dan kedaulatan negara masing-masing.

Kita harap melalui kerjasama dengan Jepun dan Korea ini akan wujud fahaman terhadap cara-cara bekerja, kebudayaan dan pemikiran antara rakyat Malaysia dan rakyat Jepun dan Korea.

Dasar ini adalah diasaskan pada bela-

jar dari teladan yang pengalaman' yang telah dilalui oleh Jepun dan Korea itu, terutama sekali pengalaman yang mereka lalui dalam membangunkan institusi-institusi, sistem-sistem teknologi serta etika kerja.

Kita ingin juga mempelajari dari kelemahan-kelemahan dan masalah yang timbul hasil dari modernisasi dan perindustrian yang telah mereka atasi.

Ini adalah dengan tujuan supaya kita tidak bertembung dengan masalah-masalah itu dan dapat lagi kita mengelaknya dari awal-awal lagi

sebelum kita mengalami kepahitan.

Jepun dan Malaysia mempunyai matlamat ekonomi yang sama. Malaysia yang maju tentu sekali akan dapat menyumbang ke arah kemakmuran dan juga ke arah kestabilan di rantau ini.

Dengan adanya pelaksanaan rancangan ini, maka kita akan dapat mengimbangi pembangunan kita antara pengaruh Barat dan pengaruh Timur.

Sebenarnya, kita dapat faham atau kita masih ingat pada sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menyuruh supaya kita menuntut ilmu walaupun ke

negeri China.

Ini disebabkan pada masa itu, negeri China adalah negeri yang termaju dan mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran. Orang-orang patut menuntut ilmu sehingga ke negeri itu walaupun akan mengalami kesusahan. Dan sekarang ini pengetahuan dan ilmu yang kita cari itu ada di negeri Jepun dan Korea. Kita tentu sekali boleh pergi ke negeri itu untuk belajar.

Buat permulaan, kita akan menghantar 136 anak-anak muda kita untuk mempelajari berbagai kemahiran di Jepun dan kita akan hantar 250 orang lagi tahun depan. Sementara itu kita

sedang membuat persiapan untuk menghantar pelajar-pelajar kita bagi mengikuti pelajaran akademik di universiti-universiti Jepun.

Kita juga merancang untuk menghantar anak-anak kita ke Korea untuk mempelajari ilmu-ilmu kejuruteraan dan pembinaan.

Dasar ini adalah baru. Pelaksanaannya juga baru. Kesannya hanya boleh kita lihat dalam masa dua atau tiga tahun lagi.

Saya yakin bahawa dengan pelaksanaan yang rapi yang dibuat secara berhati-hati, kita akan beroleh manfaat darinya kelak. — Dipetik dari Majalah Merdeka.